

11 JUL 2001

RAJA PERLIS Pengerusikan Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-189

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail hari ini mempengerusikan mesyuarat Majlis Raja-raja ke-189 di Istana Negara di sini.

Jurucakap Istana Negara berkata kesemua Sultan hadir kecuali Sultan Kedah dan Sultan Perak yang masing-masing diwakili Raja Muda, Sultan Johor yang diwakili Tengku Mahkota dan Sultan Pahang oleh Tengku Muda.

Selangor diwakili oleh Pemangku Raja Selangor.

Mesyuarat itu juga dihadiri semua Yang Dipertua Negeri.

Esok Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dijadual menghadiri mesyuarat tersebut. Seri Paduka akan diiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

NZ ZS NMO